

ELEMENTS OF CITIZENSHIP EDUCATION IN THE TWELVE APHORISM BY RAJA ALI HAJI: HIGHLIGHTS ACCORDING TO MAQASID SHARIA

ELEMEN PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN DALAM GURINDAM DUA BELAS KARYA RAJA ALI HAJI: SOROTAN MENURUT MAQASID SYARIAH

Ahmad Iqbal Mohd Fadzli¹, Wan Mohd Yusof Wan Chik², Khiral Anuar Daud³ & Farah Syazrah Mohd Ghazalli^{iv}

¹ (*Corresponding author*). Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). iqbalfadzli.edu@gmail.com

² Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). mohdyusof@unisza.edu.my

³ Pensyarah, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). khiralanuar@unisza.edu.my

⁴ Ketua Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). farahsyazrah@unisza.edu.my

Vol. 17. No. 1
August Issue
2023

Abstract

Citizenship education is the most important element to understand the statehood system. In the context of Malay Islam Nusantara civilization, The Twelve Aphorism is a famous work of Raja Ali Haji in the Malay Archipelago. In general, it contains advice and guidelines for people, in addition to the implied elements of citizenship education that should be highlighted to the current generation. This paper aims to reveal the elements of citizenship education in The Twelve Aphorism by making a specific highlight based on the perspective of Maqasid Sharia. This qualitative study is a literature study. Data is collected through various sources such as books, journals and other authoritative writings. Further information is analyzed deductively and inductively by taking a specific approach according to the discipline of Maqasid Sharia. The study found that The Twelve Aphorism is loaded with advice and guidelines as an important core in citizenship education. These include religious, self-care, social interaction and leadership values. From the point of view of Maqasid Shariah, the essence of this aphorism can be remapped in line with the maqasid darūriyyāt al-khams to achieve the goodness and benefit of human life. In conclusion, this classic work is stacked with life advice and guidelines that are needed in the effort to produce good citizens. Thus, it should be made one of the main cores in the citizenship education curriculum, in order to appreciate the value of Malay Islam Nusantara civilization and as effort to form 'Bangsa Malaysia' strong yet progressive identity.

Keywords: Malay, Literature, Citizenship, Education, Maqasid.

Abstrak

Pendidikan kewarganegaraan merupakan elemen terpenting bagi memahami sistem kenegaraan. Dalam konteks peradaban Melayu Islam

Nusantara, Gurindam Dua Belas merupakan karya Raja Ali Haji yang masyhur di Kepulauan Tanah Melayu. Amnya, ia mengandungi nasihat dan pedoman hidup bagi manusia, di samping tersiratnya elemen pendidikan kewarganegaraan yang patut diketengahkan kepada generasi kini. Makalah ini bertujuan mengenal pasti serta menzahirkan elemen pendidikan kewarganegaraan dalam Gurindam Dua Belas dengan membuat sorotan khas berdasarkan perspektif Maqasid Syariah. Kajian kualitatif ini berbentuk kajian kepustakaan. Data dikumpul melalui pelbagai sumber seperti buku, jurnal dan penulisan berautoriti yang lain. Maklumat seterusnya dianalisis secara deduktif dan induktif dengan mengambil pendekatan khusus menurut disiplin Maqasid Syariah. Kajian mendapati Gurindam Dua Belas sarat dengan nasihat dan pedoman hidup yang juga boleh diangkat sebagai teras penting dalam pendidikan kewarganegaraan. Ini merangkumi nilai keagamaan, penjagaan diri, interaksi sosial dan kepimpinan. Dari sudut sorotan Maqasid Syariah, intipati gurindam ini boleh dipetakan semula sejajar dengan kehendak maqasid darūriyyāt al-khams bagi mencapai kebaikan dan kemaslahatan kehidupan manusia. Kesimpulannya karya klasik ini sarat dengan nasihat dan pedoman yang diperlukan dalam usaha melahirkan warganegara yang baik. Justeru ia sewajarnya dijadikan salah satu teras utama dalam kurikulum pendidikan kewarganegaraan demi menghargai nilai ketamadunan Melayu Islam Nusantara dalam usaha pembentukan bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri kukuh lagi progresif.

Kata Kunci: Sastera, Melayu, Pendidikan, Kewarganegaraan, Maqasid.

PENGENALAN

Karya sastera klasik merupakan sebahagian dari peninggalan teragung ketamadunan Alam Melayu Islam Nusantara. Ia merupakan hasil sastera yang dicipta sebelum tahun 1800 Masihi, ditulis sebelum wujudnya mesin cetak (Siti Zaleha, 2016: vii). Kesusasteraan melayu klasik hakikatnya, adalah pedoman yang ulung buat masyarakat di rantau ini. Nukilan seperti pantun, teromba, sajak, seloka, teka-teki, hikayat, novel, cerpen, drama, esei dan gurindam bukan sekadar dibaca kosong, malah wajar dihargai, dihayati, dirasai mesej pentingnya dan dikembangkan penuh inovasi sejajar dengan cabaran peradaban kontemporari. Justeru, isi kandungan kesusasteraan Melayu perlu diberi perhatian dan terus diperbincangkan dari semasa ke semasa. Ini kerana penghasilan karya sastera berperanan dalam membimbing masyarakat pembaca, termasuklah merungkaikan hal-hal pemikiran, persoalan, idea, tema, perutusan, falsafah, mesej, tujuan dan sebagainya. Unsur-unsur terkumpul ini membentuk moraliti sesebuah karya (Mana Sikana, 1998: 104), seterusnya memperkasakan elemen pendidikan berteraskan kearifan tempatan.

Pendidikan Kewarganegaraan

Citizenship Education atau Pendidikan Kewarganegaraan merupakan suatu proses pembelajaran atau subjek yang bersifat fundamental. Hampir setiap negara mengangkat pendidikan kewarganegaraan sebagai suatu mata pelajaran teras, sebagai kompas bagi memandu warga negaranya memahami nilai-nilai luhur yang dianut oleh negara tersebut. Begitupun ia didatangkan dengan istilah atau penjenamaan yang berbeza (Shofiyatul Azmi, 2016: 77).

Lazimnya, pendidikan kewarganegaraan merupakan matlamat penting yang ingin dicapai oleh kebanyakan negara dalam kursus pengajian sejarah dan sivik. Pendidikan kewarganegaraan akan memfokuskan pembangunan pengetahuan berkaitan negara dan rakyat keseluruhannya, institusi kerajaan dan badan-badan penting lain berfungsi dalam sesebuah negara, hak dan kewajiban warganegara, dan paling penting merupakan

pembangunan jati diri warganegara (John D Cogan, 1998: 1). Adapun pendidikan sivik dan kewarganegaraan mempunyai perbezaan jika diperhatikan secara teliti. Pendidikan sivik merupakan pendekatan minimal yang terbatas pada pengajaran guru dan anak murid (persekolahan). Manakala, pendidikan kewarganegaraan merupakan pendekatan yang lebih maksima kerana ia mengandungi kandungan formal dan tidak formal (Farmahini Farahani, 1389: 112, Ezzat Allah & Akhbar Salehi, 2013: 65). Dalam erti kata lain, pendidikan kewarganegaraan adalah lebih komprehensif, melibatkan kefahaman dan praktis yang realistik sebagai panduan warganegara.

Sebagai contoh, Australia memperkenalkan *Discovery Democracy Programme* sebagai suatu rancangan pendidikan kebangsaan meliputi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Tujuan utama rancangan pendidikan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap pelajar yang meninggalkan zaman persekolahan menjadi seorang warganegara yang aktif dan berpengetahuan, memahami dan menghayati sistem pemerintahan serta kehidupan sivik di negara tersebut (Australian Parliament House, 1999: 229; The Australian National Flag Association [ANFA], 2023).

Di Malaysia, Dasar Pendidikan Kebangsaan menitikberatkan aspek pendidikan sebagai suatu usaha berterusan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi rohani, jasmani, intelek, berdasarkan keimanan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2017: 17). Antara subjek penting adalah Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang didedahkan kepada pelajar sejak alam persekolahan (Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor, 2013: 74). Sistem pendidikan negara dibangunkan oleh KPM melalui kurikulum kebangsaan bagi kegunaan semua sekolah seperti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Bermula Jun 2019, Pendidikan Sivik diperkenalkan bagi membentuk generasi Malaysia yang mempunyai semangat patriotik, mengetahui hak dan tanggungjawab sebagai warganegara serta memiliki akhlak mulia dan keperibadian tinggi dalam pelbagai konteks termasuk diri, keluarga, masyarakat dan negara (KPM, 2023). Hal ini dicapai dengan penerapan nilai murni, memupuk perpaduan dan kejiwaan patriotik dalam kalangan pelajar. Subjek ini merupakan mata pelajaran teras yang melibatkan pelajar prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah KPM. Antara elemen yang mendasari sukatan pendidikan ini merupakan pengetahuan sivik, kemahiran sivik, dan nilai sivik. Ia dipraktik secara bersepadu dengan penekanan terhadap aspek literasi dan amali sivik yang melibatkan pengalaman di dalam dan di luar bilik darjah (Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor, 2013: 75; KPM, 2017: 37; KPM, 2023).

Raja Ali Haji dan Gurindam Dua Belas

Raja Ali Haji merupakan seorang pujangga Riau yang menjadi tokoh unggul di rantau alam Melayu pada abad ke-19. Beliau muncul ketika era Kerajaan Kesultanan Melayu Riau iaitu pada 1809-1970 (Zubir Idris, 2015: 604; Abu Hassan Sham, 2015: 125). Beliau merupakan anak kelahiran Selangor yang terkenal dari keturunan Opu Lima Beradik, iaitu Opu Daeng Chelak. Keturunan bangsawan Bugis ini menduduki Johor sejak awal abad ke-18. Raja Ali Haji merupakan cahaya mata perkahwinan antara Raja Ahmad dan Che Hamidah, dan juga merupakan cucu kepada Raja Haji Fi Sabilillah Yang Dipertuan IV yang mangkat di Teluk Ketapang Melaka (Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Hanafi Ibrahim, 2015: xii; Syafrial et al., 2021: 2063). Raja Ahmad merupakan bangsawan yang terpelajar dan mementingkan ilmu pengetahuan. Sejak kecil lagi, beliau memastikan Raja Ali Haji membesar dengan mendapat pendidikan yang luas. Pada tahun 1828, Raja Ali Haji dibawa ayahnya ke Mekah untuk menuntut ilmu dengan para ulama. Beliau juga dikatakan pernah belajar di Kaherah, Mesir (Bibit Suparto, 2010: 678).

Setelah pulang ke Pulau Penyengat, beliau memberi penekanan terhadap pembudayaan ilmu. Pulau tersebut dijadikan sebagai pelabuhan ilmu dan ramai ulama dijemput datang ke Kepulauan Riau-Lingga (Virginia Matheson, 1998: 435). Raja Ali Haji menguasai banyak karya dalam pengajian Islam yang mungkin dikuasai oleh seorang

ulama besar pada zaman itu. Tambahan pula, dengan kebijaksanaan Raja Ali Haji dalam membangun dan merangkum pelbagai ilmu dengan ringkas dan padat, kemuncak karya beliau dalam bidang yang diceburinya merupakan Sastera, Ilmu Ketatanegaraan, dan Sejarah (Virginia Matheson, 1998: xiv).

Raja Ali Haji merupakan ilmuan yang sangat tawaduk serta model ilmuan yang tidak rasa *'ujub* (bangga diri). Jelas dilihat dalam karya-karyanya, beliau sangat menjaga adab berbicara terutama dalam syair-syairnya. Sikap rendah diri tidak menghalangnya daripada menjadi seorang yang prolific dan cemerlang, justeru menjadikan dirinya lebih dipercayai oleh Raja yang memerintah ketika itu (Khalif Muammar, 2016: 23). Mohd Taib Osman menyifatkan beliau sebagai 'Pujangga' terakhir dalam peradaban Melayu lama (Abu Hassan Sham, 1993: 86). Menurut beliau juga, 'Pujangga' merupakan tokoh berpengaruh dan intelektual dalam dunia klasik.

Raja Ali Haji bukan sahaja seorang penulis mahupun sejarawan, beliau juga merupakan pendorong intelektual kepada istana di mana tempat beliau berkhidmat. Sebagai penyambung tradisi penulisan Raja-raja Melayu, Raja Ali Haji merujuk karya Nuruddin al-Raniri, iaitu *Bustān al-Salaṭīn* (Khalif Muammar, 2016: 22). Raja Ali Haji diangkat sebagai "Pujangga" kerana beliau merupakan seorang intelek yang mempunyai bakat kepengarangan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Semarak perkembangan ilmu di Riau pada abad ke-19 telah melahirkan beberapa karya yang masyhur dan penting oleh beliau dalam bidang sejarah seperti *Tuhfat al-Nafīs* dan *Salasilah Melayu dan Bugis*. Dalam bidang tatabahasa, antara karangan beliau adalah *Bustān al-Kātibīn* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Manakala karya *Muqaddimah fī Intizām al-Wazā'if al-Mulūk* dan *Thamarat al-Muhimmah* merupakan penulisan beliau dalam bidang ketatanegaraan. Beliau juga berbakat tinggi dalam penulisan puisi. Antara puisi-puisi beliau adalah *Inilah Ikat-ikatan Dua Belas Puji*, *Syair Sinar Gemala Mestika Alam*, *Syair Abdul Muluk*, *Syair Hukum Faraid*, *Syair Hukum Nikah*, *Syair Siti Sianah*, *Syair Suluh Pegawai* dan *Gurindam Dua Belas* (Zubir Idris, 2015: 604; Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Hanafi Ibrahim, 2015: xiii). Justeru, penekanan beliau terhadap aspek pembentukan peribadi, adab, prihatin masyarakat dan cintakan negara, adalah bukan asing untuk dikesan banyak elemen pendidikan kewarganegaraan yang disebut secara tersurat dan tersirat dalam karya-karyanya.

Gurindam merupakan suatu genre yang tidak tertentu bentuk dan strukturnya. Ia mempunyai dua bentuk; terikat dan tidak terikat atau bebas. Bentuk terikat terdiri daripada dua baris serangkap, mengandungi tiga hingga enam patah perkataan dalam sebaris dengan rimanya a/a. Baris pertama berperanan sebagai syarat dan baris kedua sebagai jawapan. Adapun bentuk tidak terikat atau bebas, tiada tentu berangkap atau tidak. Amnya, gurindam memerlukan beberapa baris atau rangkap untuk menyampaikan keseluruhan idea. Isinya mengandungi pengajaran, nasihat, serta kebenaran yang berteraskan nilai-nilai keagamaan, etika, kebudayaan, pendidikan, ketentuan hukum dan tatacara berpolitik. Bahasanya adalah padat atau kemas (Harun Mat Piah, 1989; Siti Zaleha, 2016: 34; Syafriat et al., 2021: 2065).

Gurindam Dua Belas merupakan karya terkenal, yang dikarang pada tahun 1846. Menariknya, Raja Ali Haji merupakan sarjana Melayu terawal dalam mendefinisikan puisi gurindam: iaitu "perkataan yang bersajak juga pada akhir pasangannya tetapi sempurna perkataannya, dengan syarat dan sajak kedua itu seperti jawab". Definisi ini menunjukkan beliau mahu membezakannya dengan syair. Hal ini disifatkan beliau sebagai, "perkataan bersajak yang sempurna perkataan pada satu-satu pasangannya". Berdasarkan definisi ini, gurindam dibezakan dengan syair dengan terletaknya pada baris kedua. Baris kedua dalam gurindam merupakan jawapan kepada baris pertama, manakala syair pula tidak berkehendakkan jawapan tersebut. Ringkasnya, menurut Raja Ali Haji, gurindam merupakan suatu bentuk puisi Melayu yang terdiri daripada dua baris yang berpasangan, bersajak atau berima dan memberikan idea yang lengkap atau sempurna dalam pasangannya (Abu Hassan Sham, 1993: 90; 2015: 128; Syafriat et al., 2021: 2064).

Maqasid Syariah

Maqasid Syariah merupakan pecahan daripada dua perkataan iaitu 'Maqasid' dan 'Syariah'. Maqasid merupakan kata jamak perkataan *maqṣad*, iaitu kata terbitan daripada kata kerja *qaṣada*, *yaqṣidu*, *qaṣdā* dan *maqṣadā*. *Al-Qaṣd* dan *maqṣad* mempunyai makna yang sama (Ibn Manẓūr, t.t; al-Yūbī, 1998: 25). *Qaṣad* mempunyai pelbagai maksud iaitu: (i) meluruskan jalan (ii) datang kepada sesuatu dan menginginkannya, (iii) keadaan yang tersorok dalam sesuatu perkara (Ibn Manẓūr, t.t; Ibn Fāris, t.t, al-Zabīdī, t.t). Habib Anthony Salmone (1889) mendefinikan maqasid kepada tiga, iaitu; (i) sebagai matlamat, objek, reka bentuk; niat dan tujuan, (ii) rasa, makna, maksud dan hanyutan dalam suatu ucapan, dan (iii) destinasi.

'Syariah' berasal daripada perkataan *shara'a* iaitu suatu yang terbuka dalam sambungan yang ada di dalamnya. Dalam erti kata lain, ia merupakan sumber air yang boleh diminum atau diambil darinya (Ibn Manẓūr, t.t; Ibn Fāris, t.t). Dari sudut bahasa, syariah bermaksud agama, manhaj, jalan (*ṭarīqah*) dan sunnah. Manakala dari segi istilah, syariah merupakan suatu ketetapan Allah S.W.T kepada manusia melalui perantaraan Nabi-Nya (al-Yūbī, 1998: 29). Menurut *Mu'jam al-Wasīṭ* (1998) syariah bermaksud apa yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T kepada hambanya dari segi akidah, hukum-hakam, jalan (*ṭarīqah*) menerusi wahyu-Nya yang agung (berdasarkan surah al-Jāthiyah, ayat 18: "Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu..."). Ia juga dimaksudkan sebagai sumber air yang boleh diambil tanpa halangan (*rashā' wa al-'Utbah*).

Istilah Maqasid Syariah sebenarnya tidak ditakrifkan secara langsung dalam penulisan ulama terdahulu dan ahli usul. Namun, ulama yang dipercayai mempelopori pengistilahan Maqasid Syariah merupakan Imam al-Ghazālī dan al-Shāṭibī (al-Yūbī, 1998: 33). Menurut al-Ghazālī (t.t: 251):

{ومقصود الشرع من الخلق خمسة وهو: أن يحفظ عليهم دينهم، ونفسهم، وعقلهم، ونسلهم، وما لهم، فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة، وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعها مصلحة...}

Maksudnya: "Kehendak syarak ke atas makhluk ada lima, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Maka, setiap sesuatu yang mengandungi elemen penjagaan kelima-lima asas merupakan masalah. Setiap sesuatu yang menghilangkan asas-asas tersebut maka ia merupakan mafsadah, dan menolaknya (mafsadah) adalah suatu masalah..."

Al-Raysūnī berpandangan, Imam al-Shāṭibī merupakan pengasas kepada ilmu Maqasid Syariah. Namun, al-Shāṭibī tidak menetapkan secara spesifik apa yang dikehendaki dan dimaksudkan dengan frasa 'maqasid syariah' tersebut. Hal ini kerana, berkemungkinan Imam al-Shāṭibī menganggap ia merupakan perkara yang sudah jelas, jika diteliti semula penulisannya dalam kitab *al-Muwāfaqāt*. Kitab ini merupakan rujukan kepada para ulama serta pakar dalam bidang perundangan Islam (al-Raysūnī, 1995: 17).

Antara lain, 'Allāl al-Fāsī (1993: 7) dalam mukaddimahnyanya mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai:

{الغاية منها، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها}

Maksudnya: "Tujuan-tujuan daripadanya (syariat) serta rahsia-rahsiannya yang telah ditetapkan oleh Shāri' (Allah S.W.T) pada setiap hukum-hakam-Nya."

Begitupun, Ibn 'Ashūr (1978: 51) turut mendefinisikan maqasid syariah dengan:

{ المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها، بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة }

Maksudnya: “Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Allah (*al-Shāri*) dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak tertentu”

Tuntasnya, Maqasid Syariah adalah makna, hikmah dan tujuan yang ingin dicapai oleh syarak dalam setiap hukum atau sebahagian besar hukumnya. Natiujahnya adalah merealisasikan kemaslahatan dan menghilangkan kemudaratan terhadap manusia (Sahid M. M. et al., 2018:

Hakikatnya, perbincangan Maqasid Syariah adalah terlalu luas untuk dibincangkan. Justeru, menerusi sorotan-sorotan di atas, tulisan ini akan menilai serta menganalisis karya kesusasteraan Alam Melayu Islam Nusantara iaitu Gurindam Dua Belas yang dianggap memenuhi fungsi sesebuah karya berteraskan bimbingan. Persoalan-persoalan ini akan dijawab melalui analisis setiap rangkap gurindam, serta penekanan terhadap pendidikan kewarganegaraan dan sorotan maqasid syariah sebagai pedoman pembaca melalui nilai-nilai yang disemadikan Raja Ali Haji.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis Setiap Fasal Gurindam Dua Belas

Setiap fasal dalam Gurindam Dua Belas¹ mempunyai tema dan huraian aspek yang berbeza. Berdasarkan analisis dibuat, terdapat empat tema utama yang dikenal pasti dan boleh difahami seperti berikut:

1. Tema Pertama: Keagamaan

Jadual 1: Fasal Pertama dan Kedua Gurindam Dua Belas

Fasal Pertama	Fasal Kedua
<i>Barangsiapa tiada memegang agama, Sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.</i>	<i>Barangsiapa mengenal yang tersebut, Tahulah ia makna takut.</i>
<i>Barangsiapa mengenal yang empat, maka ia itulah orang yang ma'rifat.</i>	<i>Barangsiapa meninggalkan sembahyang, Seperti rumah tiada bertiang.</i>
<i>Barangsiapa mengenal Allah, Suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.</i>	<i>Barangsiapa meninggalkan puasa, Tidaklah mendapat dua termasya.</i>
<i>Barangsiapa mengenal diri, Maka telah mengenal akan Tuhan yang Bahri.</i>	<i>Barangsiapa meninggalkan zakat, Tiadalah hartanya beroleh berkat.</i>
<i>Barangsiapa mengenal dunia, Tahulah ia barang yang teperdaya.</i>	<i>Barangsiapa meninggalkan haji, tiadalah ia menyempurnakan janji.</i>
<i>Barangsiapa mengenal akhirat, Tahulah ia dunia mudarat.</i>	

Pada fasal pertama, Raja Ali Haji mendahulukan gurindam beliau dengan tema keagamaan, khususnya aspek akidah. Ia ditemui dalam setiap rangkap, sebagai contoh “Barangsiapa tiada memegang agama, sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama”. Rangkap ini membawa maksud setiap manusia wajib mempunyai pegangan dan kepercayaan terhadap agama, khususnya Islam. Kehidupan manusia dititikberatkan dengan pemikiran dan suruhan agama, serta kesan apabila manusia meninggalkan seruan agama. Fasal ini

¹ Teks penuh Gurindam Dua Belas merujuk kepada lampiran skripsi Laila Nurul Hidayah (2015).

juga mengisyaratkan bahawa agama adalah aspek terpenting dalam kehidupan mengatasi aspek kehidupan yang lain (Mutiara, 2021; Mohammad Fauziddin et al., 2023: 602). Pada rangkap “barang siapa mengenal Allah, suruh dan tegahnya tiada mengalah” jelas menunjukkan Islam sebagai sebenar-benar agama. Ini bertepatan dengan firman-Nya:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...*” (āli ‘Imrān: 19).

Dalam pada itu, fasal satu turut memperingatkan manusia yang kerap memikirkan hal keduniaan, supaya ia menyedari akan kewujudan alam akhirat. Manusia dinasihatkan agar tidak tertipu dan lalai dengan perihal dunia serta meyakini hari akhirat sebagai destinasi akhir (Mohammad Fauziddin et al., 2023: 603). Begitupun setiap amalan manusia akan disoal dan dihisab oleh Allah S.W.T di akhirat kelak. Ini dirakamkan menerusi kalam-Nya:

﴿وَنُزِعَ الْمُؤْمِنِينَ لَنَوْمٍ الْفَيْئَمَةِ فَلَا تُظَلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ حَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَسِيبِينَ﴾

Maksudnya: “*Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.* (al-Anbiyā’: 47).

Fasal kedua meneruskan perbincangan tema keagamaan, khususnya dalam kerukunan agama Islam. Ia menekankan kefahaman dan pengamalan syariat seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan sunnah. Lantaran itu, kerukunan Islam dinyatakan beserta pengibaratan akibat tidak menunaikannya seperti kesan tidak mendirikan solat (rumah tidak bertiang – kebergantungan terhadap Allah S.W.T), meninggalkan puasa (tidak mendapat dua termasya – dunia dan akhirat), tidak mengeluarkan zakat (harta tidak beroleh keberkatan), serta tidak menunaikan haji (tidak sempurna janji sebagai muslim). Kebertanggungjawaban ini sebenarnya bersandarkan hadis S.A.W:

{بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ}

Maksudnya: “*Islam itu dibina atas lima (perkara) – Penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadan*” (Hadis. al-Bukhārī, no. 8; Muslim, no. 16).

2. Tema Kedua: Penjagaan Diri

Jadual 2: Fasal Ketiga dan Keempat Gurindam Dua Belas

Fasal Ketiga	Fasal Keempat
Apabila terpelihara mata, Sedikitlah cita-cita.	Hati itu kerajaan di dalam tubuh, Jikalau zalim segala anggota pun rubuh.
Apabila terpelihara kuping, Khabar yang jatuh tiadalah damping.	Apabila dengki sudah bertanah, Datanglah daripadanya beberapa anak panah.
Apabila terpelihara lidah, Nescaya dapat daripadanya faedah.	Mengumpat dan memuji hendaklah pikir, Di situlah banyak orang yang tergelincir.
Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan, Daripada segala berat dan ringan.	Pekerjaan marah jangan dibela, Nanti hilang akal di kepala.

<p>Apabila perut terlalu penuh, Keluarlah fil yang tiada senonoh.</p> <p>Anggota tengah hendaklah ingat, Di situlah banyak orang yang hilang semangat.</p> <p>Hendaklah peliharaan kaki, Daripada berjalan yang membawa rugi.</p>	<p>Jika sedikit pun berbuat bohong, Boleh diumpamakan mulutnya itu pekung.</p> <p>Tanda orang yang amat celaka, Aib dirinya tiada ia sangka.</p> <p>Bakhil jangan diberi singgah, Itupun perompak yang amat gagah.</p> <p>Barangsiapa yang sudah besar, Janganlah kelakuannya membuat kasar.</p> <p>Barangsiapa perkataan kotor, Mulutnya itu umpama ketor.</p> <p>Di mana tahu salah diri, Jika tidak orang lain yang berperli.</p> <p>Pekerjaan ta'bur jangan direpih, Sebelum mati didapat juga sepih.</p>
---	---

Seterusnya, pada fasal ketiga dan keempat Raja Ali Haji menelusuri tema penjagaan diri. Intipati utama dalam fasal ketiga merupakan aspek penjagaan anggota zahir (tubuh badan) seperti mata, telinga, lidah, tangan, perut, kemaluan dan kaki daripada menggunakannya kearah jalan yang negatif (Mohammad Fauziddin et al., 2023: 604). Sebagai contoh, pada rangkap “*apabila terpelihara mata, sedikitlah cita-cita*”. Saranan ini bermaksud untuk menjaga mata daripada melihat perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T. Begitu juga rangkap-rangkap seterusnya, iaitu pemeliharaan kuping (telinga) daripada khabar angin dan hasutan, lidah daripada berkata-kata nista atau tidak berfaedah, tangan daripada mengambil barangan dan hak bukan kepunyaan diri, perut (nafsu) yang perlu dikawal supaya tidak berlaku perkara terlarang (syahwat), perut yang dibiasakan dengan kekenyangan (punca malas dan kepenatan) serta penjagaan kaki daripada melangkah ke tempat pembaziran mahupun maksiat (Laila, 2015: 75-90). Penyalahgunaan nikmat ini bakal mengundang bala dan keburukan terhadap individu. Setiap amalan dalam kehidupan perlu dinilai terlebih dahulu agar tidak menyesal di kemudian hari. Pentingnya penjagaan anggota badan ini disandarkan dengan firman Allah S.W.T:

﴿الْيَوْمَ نَخِمْ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾

Maksudnya: “Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan” (Yasin: 65).

Fasal keempat diteruskan dengan tema penjagaan diri dari sudut dalaman individu. Amnya, manusia dituntut untuk berakhlak dan mengamalkan etika hidup yang baik seperti menjaga kelakuan, tatasusila, serta saling menghormati antara satu sama lain (Mohammad Fauziddin et al., 2023: 604). Kesemua ini sebenarnya berdasarkan penjagaan hati, kerana “hati itu kerajaan di dalam tubuh, jikalau zalim segala anggota pun rubuh”. Atas dasar inilah, hati berperanan besar dalam mengawal tingkah laku individu, sama ada ke arah kebaikan mahupun keburukan. Sabda Baginda S.A.W:

﴿أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ﴾

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)” (Hadis. al-Bukhārī. no. 52; Muslim. no. 1599).

Akibat daripada hati yang kotor dan keji, maka terbitnya tingkah laku manusia yang buruk dan negatif (Che Zarrina & Nor Azlinah, 2016: 44). Sebagai contoh, manusia boleh cemburu buta atau dengki dengan kelebihan individu lain. Lidah yang tidak terkawal dari umpatan dan pujian berupaya menyakiti hati seseorang, bahkan sikap menipu akan melahirkan pembohongan yang berterusan. Di samping itu, emosi individu turut boleh terganggu kerana akal yang tidak boleh berfikir secara jernih dan positif. Seseorang juga boleh dibutakan dengan aib individu sekelilingnya, lebih dari memahami kekurangan dirinya sendiri. Sikap bakhil, takabbur dengan kejayaan diri, berkata-kata yang tidak baik, sombong terhadap manusia yang lain, dan sifat ego daripada mengakui kesilapan sendiri merupakan implikasi yang tidak baik hasil daripada kurangnya nilai-nilai taqwa dalam hati, iaitu perasaan takut kepada Allah S.W.T (Laila, 2015: 91-96).

Pada rangkap akhir “pekerjaan ta’bur jangan direpih, sebelum mati didapat juga sepih” merupakan mesej penting untuk sentiasa menjaga status kesucian pendapatan individu. Halal, haram dan syubhah dalam pencarian rezeki bakal mempengaruhi jiwa seseorang. Kesan daripada rezeki haram, ia mempengaruhi tingkah laku manusia. Mereka akan cenderung melakukan maksiat, tidak patuh dengan perintah-Nya, bahkan menanam kesan buruk terhadap mental dan fizikal individu (Halipah Hamzah & Hanani Ahmad Zubir, 2020: 1).

3. Tema Ketiga: Interaksi Sosial

Jadual 3: Fasal Kelima dan Keenam Gurindam Dua Belas

Fasal Kelima	Fasal Keenam
<i>Jika hendak mengenal orang berbangsa, Lihat kepada budi dan bahasa,</i>	<i>Cahari olehmu akan sahabat, Yang boleh dijadikan obat.</i>
<i>Jika hendak mengenal orang yang berbahagia, Sangat memelihara yang sia-sia.</i>	<i>Cahari olehmu akan guru, Yang boleh tahukan tiap seteru.</i>
<i>Jika hendak mengenal orang mulia, Lihatlah kepada kelakuan dia.</i>	<i>Cahari olehmu akan isteri, Yang boleh menyerahkan diri.</i>
<i>Jika hendak mengenal orang yang berilmu, Bertanya dan belajar tiadalah jemu. Jika hendak mengenal orang yang berakal, Di dalam dunia mengambil bekal.</i>	<i>Cahari olehmu akan kawan, Pilih segala orang yang setiawan. Cahari olehmu akan abdi, Yang ada baik sedikit budi,</i>
<i>Jika hendak mengenal orang yang baik perangai, Lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.</i>	

Fasal kelima dan keenam menelusuri tema baharu iaitu baharu iaitu interaksi sosial. Ia menekankan hubungan individu terhadap masyarakat (Nasdian, 2015: 39; Lalu Moh. Fahri & Lalu A. Hery Qusyairi, 2019: 152). Intipatinya, kedua-dua fasal ini mengandungi panduan dan pendidikan bagi pergaulan. Ia adalah penting supaya manusia tidak tersilap langkah dalam pencarian teman ataupun seseorang yang bakal mempengaruhi hidupnya. Islam sangat menitikberatkan sikap manusia kerana ia menentukan kejayaan seseorang di dunia dan di akhirat (Zulkifli Mohamed et al., 2020: 7).

Pentingnya individu memastikan dirinya dipengaruhi dengan perkara positif kerana Allah S.W.T berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوهُمَا بِأَنفُسِهِمْ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*”

Manusia yang berakal dan berilmu akan berusaha menyediakan bekalan di dunia ini untuk menuju ke alam yang kekal abadi iaitu alam akhirat. Ia juga ditentukan melalui kelompok terdekatnya iaitu orang yang selalu didampinginya. Menjadi lumrah bagi manusia ingin

bersama dengan orang yang mempunyai persamaan dengan dirinya. Oleh hal yang demikian, jika dilihat setiap rangkap dalam fasal kelima, ia merupakan nasihat yang sarat dengan ilmu kepada individu, serta mencerminkan keperibadian bangsa dan negaranya (Mohammad Fauziddin et al., 2023: 604).

Pergaulan yang mampan adalah memiliki sahabat, guru dan peneman hidup (isteri) yang baik dalam menghadapi kehidupan. Mereka bukan sahaja memberi tunjuk ajar kepada dirinya, malah berperanan memberi manfaat, remedi, berbakti serta bersikap taat setia bersama ketika susah dan senang. Hal ini dijelaskan secara tuntas oleh Raja Ali Haji dalam fasal keenam. Atas dasar inilah, seseorang itu perlu bijaksana dalam memilih teman hidupnya supaya tidak tersasar jauh dari landasan kebaikan dan kebenaran demi menjalani kehidupan yang sejahtera (Mutiara, 2021: 189-190; Sirait, 2018: 450). Kata Imam Hasan al-Baṣrī r.a:

{استكثروا من الأصدقاء المؤمنين، فإن لهم شفاعة يوم القيامة}

Maksudnya: “Banyakkan bersahabat dengan orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T, kerana sesungguhnya mereka akan dapat memberikan syafaat pada hari kiamat kelak” (Mawsū‘ah al-‘Aqdiyyah, t.t)

Dalam sebuah hadis, sabda Baginda S.A.W:

{الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدَكُمْ مَنِ يُخَالِلُ}

Maksudnya: “Seseorang itu mengikut agama rakannya. Maka lihatlah seorang kamu siapa yang dia berkawan” (Hadis. Abū Daud. 4833; al-Tirmidhī. 2378; Aḥmad. 8398).

Begitupun firman Allah S.W.T di dalam al-Quran:

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ}

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar” (al-Tawbah: 119)

Jadual 4: Fasal Ketujuh dan Kelapan Gurindam Dua Belas

Fasal Ketujuh	Fasal Kelapan
Apabila banyak berkata-kata, Di situlah jalan masuk dusta.	Barangsiapa khianat akan dirinya, Apalagi kepada lainnya.
Apabila banyak berlebih-lebihan suka, Itulah tanda hampirkan duka.	Kepada dirinya ia aniaya, Orang itu jangan engkau percaya.
Apabila kita kurang siasat, Itulah tanda pekerjaan hendak sesat.	Lidah yang suka membenarkan dirinya, Daripada yang lain dapat kesalahannya.
Apabila anak tidak dilatih, Jika besar bapanya letih.	Daripada memuji diri hendaklah sabar, Biar daripada orang datangnya khabar.
Apabila banyak mencela orang, Itulah tanda dirinya kurang.	Orang yang suka menampakkan jasa, Setengah daripada syirik mengaku kuasa.
Apabila orang yang banyak tidur, Sia-sia sahajalah umur.	Kejahatan diri sembunyikan, Kebalikan diri diamkan.
Apabila mendengar akan khabar, Menerimanya itu hendaklah sabar.	Keaiban orang jangan dibuka, Keaiban diri hendaklah sangka.
Apabila mendengar akan aduan, Membicarakannya itu hendaklah cemburuan.	
Apabila perkataan yang lemah-lembut, Lekaslah segala orang mengikut.	

<p>Apabila perkataan yang amat kasar, Lekaslah orang sekalian gusar.</p> <p>Apabila pekerjaan yang amat benar, Tidak boleh orang berbuat onar.</p>	
--	--

Fasal ketujuh diteruskan lagi dengan tema interaksi sosial, khususnya aspek teguran terhadap keperibadian individu supaya tidak memilih jalan yang salah dan sesat (Mohd Fauziddin et al., 2023: 605). Ia juga mengisyaratkan agar seseorang tidak berlebihan dalam melakukan sesuatu perkara. Sebagai contoh, banyaknya berkata-kata tidak mustahil akan berlakunya pembohongan. Tambahan pula, terlalu mengharapkan sesuatu akan melahirkan kekecewaan yang mendalam jika perkara tersebut tidak seperti yang diharapkan.

Selain daripada itu, Raja Ali Haji menasihati ibu bapa agar mendidik anak mereka sejak daripada kecil, agak tidak menyesal di kemudian hari. Bermula rangkap “apabila banyak mencela orang, itulah tanda dirinya kurang” sehinggalah ke akhir rangkap fasal ini, ia menjelaskan manusia terdapat banyak sifat buruk yang perlu dielakkan. Antaranya mengeji, bermalas-malasan (tidur), tidak sabar dan mudah terpengaruh dalam menangani suatu berita, berkata-kata yang tidak lunak pada pendengaran manusia serta menyalahkan seseorang di pihak kebenaran (fitnah) (Laila, 2015: 104-107).

Fasal kelapan menekankan aspek teguran terhadap tingkah laku individu yang mencerminkan baik dan buruk dirinya kepada masyarakat (Mohd Fauziddin et al., 2023: 605). Misalnya, seseorang yang mengkhianati dirinya (ingkar dan menganiayai diri sendiri) sudah tentu boleh mengakibatkan orang lain. Tambahan pula, sikap menyalahkan orang lain tanpa memperakui kesilapan diri serta memuji diri sendiri merupakan akhlak yang tidak baik untuk diamalkan dalam kehidupan. Raja Ali Haji mengingatkan manusia agar bersikap sederhana dalam setiap perkara, jika diperhatikan pada rangkap “orang yang suka menampakkan jasa, setengah daripada syirik mengaku kuasa”. Maksud tersurat yang ingin disampaikan adalah tidak perlu mendambakan imbalan terhadap setiap jasa yang dicurahkan. Pada rangkap akhir, nasihat yang disampaikan adalah keaiban mahupun kebaikan diri bukanlah perkara bermanfaat untuk dikongsi kepada yang lain. Tuntasnya, fasal kelapan mengingatkan manusia agar tidak mengikut jejak langkah atau perangkap syaitan (*talbis iblis*). Peringatan ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar...” (al-Nūr: 21)

Jadual 5: Fasal Kesembilan dan Kesepuluh Gurindam Dua Belas

Fasal Kesembilan	Fasal Kesepuluh
Tahu pekerjaan tak baik, tetapi dikerjakan, Bukannya manusia yaitulah syaitan.	Dengan bapa jangan durhaka, Supaya Allah tidak murka.
Kejahatan seorang perempuan tua, Itulah iblis punya penggawa.	Dengan ibu hendaklah hormat, Supaya badan dapat selamat.
Kepada segala hamba-hamba raja, Di situlah syaitan tempatnya manja.	Dengan anak janganlah lalai, Supaya boleh naik ke tengah balai.
Kebanyakan orang yang muda-muda, Di situlah syaitan tempat bergoda.	Dengan isteri janganlah alpa, Supaya malu jangan menerpa.
Perkumpulan laki-laki dengan perempuan, Di situlah syaitan punya jamuan.	Dengan kawan hendaklah adil, Supaya tangannya jadi kapil.

<p><i>Adapun orang tua yang hemat, Syaitan tak suka membuat sahabat.</i></p> <p><i>Jika orang muda kuat berguru, Dengan syaitan jadi berseteru.</i></p>	
---	--

Fasal kesembilan menitikberatkan aspek mencegah perbuatan keji bagi individu dan masyarakat (Mohammad Fauziddin et al., 2023: 606). Ia juga masih dalam lingkungan perbincangan *talbis iblis*. Pada rangkap “tahu pekerjaan tak baik, tetapi dikerjakan, Bukannya manusia yaitulah syaitan”, merupakan suatu penegasan bahawa setiap perbuatan yang dilarang Allah S.W.T tidak sepatutnya dilakukan, kerana ia merupakan hasutan syaitan. Hal ini dirakamkan dalam al-Quran:

﴿ ثُمَّ لَا تَيَسَّرُ لَهُمْ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ وَلَا بَجْدٌ أَكْثَرَهُمْ شَاكِرِينَ ﴾

Maksudnya: “Kemudian aku (Iblis) datangi mereka, dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur”.

Oleh kerana itu, batas pergaulan di antara lelaki dan wanita haruslah dijaga. Pada rangkap “seorang perempuan tua, itulah iblis punya penggawa” mengingatkan manusia akan kejahatan seseorang perempuan tua ibarat pimpinan syaitan. Tidak cukup dengan itu, Raja Ali Haji turut menasihati manusia agar tidak mudah tergoda dengan kekayaan seseorang Raja (atau seseorang yang berpengaruh), kerana harta materialistik hanyalah bersifat sementara (Laila, 2015: 110-113). Sementara itu, golongan muda diberi diperingatan untuk sentiasa berjaga-jaga kerana mereka mudah dimanipulasi syaitan. Maka, sewajarnya mereka menambah ilmu pengetahuan serta bersahabat dengan mereka yang berumur, matang, berpengalaman dan punyai ilmu pengetahuan luas agar tidak terjerumus dengan hasutan syaitan yang akhirnya menjurus kepada perbuatan menyalahi perintah Allah.

Seterusnya, pada fasal kesepuluh Raja Ali Haji menekankan aspek pendidikan kekeluargaan (Sirait, 2018: 451). Antara intipati penting disentuh merupakan kewajipan seorang anak untuk menghormati kedua-dua orang tuanya. Ini dijelaskan dalam rangkap “dengan bapa jangan durhaka, supaya Allah tidak murka” dan “dengan ibu hendaklah hormat, supaya badan dapat selamat”. Tanggungjawab anak-anak adalah mendengar kata ibu bapa supaya Allah tidak murka, seterusnya selamat di dunia dan di akhirat. Dalam pada itu, tanggungjawab ibu dan bapa terhadap anak turut ditekankan, kerana mereka merupakan amanah dan tanggungjawab dari Allah S.W.T. Tugas sebagai seorang suami turut dinyatakan dalam rangkap kedua terakhir fasal kesepuluh. Seorang suami perlu menghormati, menghargai dan menyayangi isterinya selagimana dia tidak mengabaikan tanggungjawabnya. Pada rangkap akhir, Raja Ali Haji berpesan agar bersikap adil (Laila, 2015: 114). Tuntasnya, fasal kesepuluh merupakan pesanan kekeluargaan di mana setiap anggota perlu memainkan peranan masing-masing bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan keluarga.

4. Tema Keempat: Kepimpinan

Jadual 6: Fasal Kesebelas dan Kedua Belas Gurindam Dua Belas

Fasal Kesebelas	Fasal Kedua Belas
<i>Hendaklah berjasa, Kepada yang sebangsa.</i>	<i>Raja muafakat dengan menteri, Seperti kebun berpagarkan duri.</i>
<i>Hendaklah jadi kepala, Buang perangai yang cela.</i>	<i>Betul hati kepada raja, Tanda jadi sebarang kerja.</i>
<i>Hendaklah memegang amanat, Buanglah khianat.</i>	<i>Hukum adil atas rakyat, Tanda Raja beroleh inayat.</i>

Hendak marah, Dahulukan hujah.	Kasih orang yang berilmu, Tanda rahmat atas dirimu.
Hendak dimalui, Jangan melalui.	Hormat akan orang yang pandai, Tanda mengenal kasa dan cindai.
Hendak ramai, Murahkan perangai.	Ingatkan dirinya mati, Itulah asal berbuat bakti.
	Akhirat itu terlalu nyata, Kepada hati yang tidak buta.

Fasal kesebelas dan kedua belas merupakan penutup bagi Gurindam Dua Belas, dan ia memfokuskan tema kepimpinan, khususnya dari sudut individu, masyarakat dan pemimpinnya. Amnya, fasal kesebelas menasihati masyarakat agar sentiasa memberi manfaat antara satu sama lain, beretika baik dalam kepimpinan, menepati janji (amanah), mengawal emosi dalam berkata-kata (mendahulukan hujah ketika marah), memulakan sesuatu dengan lebih awal (jangan melalui) serta memperbaiki tingkah laku dan akhlak supaya dipercayai oleh orang sekeliling (Laila, 2015: 115-127; Mohammad Fauziddin, 2023: 606). Jika diperhatikan, nasihat ini bersifat terbuka kepada setiap lapisan masyarakat. Dari sudut yang lain, manusia merupakan pemimpin atau khalifah di muka bumi, sama ada bagi dirinya sendiri mahupun kepada masyarakat (Ibnu, 2017: 167). Hal ini bersandarkan sabdaan Baginda S.A.W:

{ كلکم راعٍ، وکلکم مسئول عن رعیتہ، والأمیر راعٍ، والرجل راعٍ علی أهل بیته؛ والمرأة راعیة علی بیت زوجها وولده، فکلکم راعٍ، وکلکم مسئول عن رعیتہ }

Maksudnya: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Setiap ketua negara adalah pemimpin, dan dia bertanggungjawab atas rakyatnya, setiap perempuan/ibu adalah pemimpin bagi rumah tangga suami dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kamu adalah pemimpin dan masing-masing bertanggungjawab atas kepemimpinannya" (Hadis. al-Bukhāri dan Muslim. Bāb Ḥaqq al-Zawj 'ala al-Mar'ah, Kitāb al-Muqaddimāt. No. 283)

Setiap individu (sebagai pemimpin) ditegah daripada melakukan tindakan tercela serta berusaha melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan keatasnya. Ciri-ciri amanah dan kepimpinan ini dinyatakan dalam ayat al-Quran:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)" (al-Anfāl: 27)

Maka, nilai kepimpinan berteraskan amanah adalah dituntut dalam Islam agar umatnya menjalankan tugas yang ditakliffkan, lantas bermanfaat kepada seluruh manusia.

Pada fasal kedua belas, Raja Ali Haji mengakhiri gurindamnya dengan nasihat kepimpinan melibatkan Raja, menteri dan rakyat. Bagi mencapai kestabilan dalam sesebuah negara, hubungan baik serta kerjasama antara setiap lapisan hierarki (Raja, Menteri dan rakyat) perlu dijaga. Sebagai contoh, hubungan Raja dan Menteri jika dikaitkan dengan rangkap "kebun berpagarkan duri" juga bermaksud sebarang konflik berlaku perlu diselesaikan secara musyawarah tertutup, seterusnya mencapai muafakat dalam menyelesaikan sesuatu isu. Ini menunjukkan Raja dan Menteri adalah saling memerlukan untuk bekerjasama antara satu sama lain (Layla, 2015: 128; Mohammad Fauziddin et al., 2023: 606). "Betul hati kepada Raja, tanda jadi sebarang kerja" terdapat dua tafsiran. Pertama, seorang Raja yang baik menurut perintah Allah S.W.T. Maka ia menjaga kebajikan dan adil terhadap rakyatnya. Kedua, ia memberi mesej kepada Menteri

dan rakyat untuk berikrar taat setia kepada sang Raja, barulah mereka menjalankan tanggungjawab penuh kepada negaranya. Sementara itu, pemimpin juga berperanan menjalankan hukuman adil terhadap rakyat, menghormati orang yang berilmu dan bijaksana kerana merekalah yang akan membantu serta membezakan baik dan buruk dalam membuat suatu keputusan. Pada akhirnya, Raja Ali Haji menutup Gurindam Dua Belas dengan dua rangkap akhir yang sarat dengan nasihat mendalam. Manusia yang mengingati kematian akan sentiasa berbakti demi Allah S.W.T. Insan yang tidak buta hatinya mempercayai kewujudan hari akhirat lantas mengimani Allah S.W.T. Firman Allah di dalam al-Quran:

﴿وَمَنْ كَانَ فِي هَذِهِ أَعْمَىٰ فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: "Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (matahatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalannya" (al-Isrā': 72)

Pendidikan Kewarganegaraan Dalam Gurindam Dua Belas

Berdasarkan analisis terhadap setiap fasal Gurindam Dua Belas, terdapat beberapa aspek pendidikan kewarganegaraan yang boleh dijadikan pengajaran. Ia boleh difahami seperti jadual berikut:

Jadual 7: Pendidikan Kewarganegaraan Menurut Gurindam Raja Ali Haji

Fasal	Tema/ Aspek Pendidikan Kewarganegaraan	Penjelasan
1	Keagamaan (Akidah)	<ul style="list-style-type: none"> Kepercayaan dan pegangan beragama. Kehidupan manusia yang terikat dengan perintah Allah S.W.T. Akibat meninggalkan seruan agama. Agama sebagai panduan kehidupan.
2	Keagamaan (Kerukunan Islam)	<ul style="list-style-type: none"> Penekanan terhadap 5 Rukun Islam (syahadah, solat, zakat, haji dan puasa)
3	Penjagaan Diri (Anggota Zahir)	<ul style="list-style-type: none"> Penjagaan anggota tubuh badan (mata, telinga, lidah, tangan, perut, kemaluan dan kaki) dari perkara negatif. Penyalahgunaan nikmat akan mempengaruhi kehidupan dirinya sendiri dan masyarakat.
4	Penjagaan Diri (Dalaman/Hati)	<ul style="list-style-type: none"> Penekanan terhadap akhlak dan etika hidup yang baik. Penjagaan hati (mengawal dan mencerminkan tingkah laku individu)
5	Interaksi Sosial (Pergaulan)	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruh manusia menentukan kejayaan di dunia dan di akhirat. Berusaha menuntut ilmu untuk keluar daripada kejahilan. Individu sebagai cerminan bangsa dan negara.
6	Interaksi Sosial (Pergaulan)	<ul style="list-style-type: none"> Tugas individu mencari teman baik (guru, isteri, sahabat/kawan) yang bakal mempengaruhi hidupnya.
7	Interaksi Sosial (Peribadi)	<ul style="list-style-type: none"> Teguran kepada manusia untuk tidak memilih jalan yang salah dan sesat. Teguran supaya tidak berlebih-lebihan dalam melakukan/menerima sesuatu perkara (seperti banyak berkata-kata). Teguran supaya tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu bapa dalam mendidik anak. Kesan dan akibat bermalasan (banyak tidur), tidak sabar, mudah terpengaruh dengan suatu berita, buruk dalam berkata-kata serta perbuatan memfitnah.
8	Interaksi Sosial (Tingkah laku kepada masyarakat)	<ul style="list-style-type: none"> Akhlak dan tingkah laku mencerminkan kebaikan dan keburukan individu. Perbuatan khianat, menyalahkan orang lain, memuji diri sendiri, keinginan imbalan terhadap setiap jasa dilakukan serta membuka keaiban diri mahupun yang lain merupakan akhlak yang buruk.
9	Interaksi Sosial (Pencegahan Perkara Mungkar)	<ul style="list-style-type: none"> Setiap perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T perlu dijauhi kerana ia adalah hasutan dari syaitan (seperti pergaulan tanpa batasan dan sifat cintakan harta/materialistik). Golongan muda mudah ditipu oleh syaitan, maka seharusnya mereka menjaga diri, menuntut ilmu dan bersahabat dengan orang berilmu/berpengalaman.
10	Interaksi Sosial (Pendidikan Kekeluargaan)	<ul style="list-style-type: none"> Aspek pendidikan kekeluargaan – tanggungjawab sebagai seorang anak, ibu dan bapa, isteri dan suami. Bersikap adil dalam setiap perkara.

11	Kepimpinan (Umum)	<ul style="list-style-type: none"> Manusia perlu memberi manfaat antara satu sama lain, berperilaku baik dalam memimpin, menepati janji, mengawal emosi dan kata-kata, mendahulukan kebaikan serta memperbaiki tingkah laku supaya mudah dipercayai oleh orang lain. Seorang pemimpin tidak sepatutnya melakukan tindakan tercela serta berusaha menunaikan amanah yang dipikulnya.
12	Kepimpinan (Raja, Menteri & Rakyat)	<ul style="list-style-type: none"> Sesebuah negara yang stabil politiknya, setiap lapisan hierarki (Raja, Menteri dan rakyat) perlu menjaga hubungan baik serta saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain. Sebarang konflik perlu diselesaikan secara musyawarah bagi mencapai permuafakatan. Setiap pemimpin (termasuklah individu) perlu menjaga hubungannya dengan Allah S.W.T, dan setiap rakyat perlu menumpahkan taat setia kepada Rajanya. Pemimpin berperanan menjalankan hukuman yang adil, menghormati dan mengambil pandangan orang yang berilmu dalam membuat sesebuah keputusan. Memperingati kematian, supaya berbakti di dunia kerana Allah S.W.T.

Islam menitikberatkan umatnya untuk menuntut ilmu sebagai suatu kewajiban. Ia tidak hanya diterhadkan dalam bidang agama sahaja, malah juga berkait dengan bidang sains dan teknologi (Zohra Yasin et al., 2023: 3061). Pendidikan kewarganegaraan merupakan salah satu bidang keilmuan yang penting, kerana ia mempersiapkan generasi muda akan peranan dan tanggungjawab mereka kepada negara (Fathi Vajargah & Vahedchokadeh, 1388H: 120, Ezzat Allah & Akhbar Salehi, 2013: 66).

Jika dilihat pada fasal satu dan kedua, tema keagamaan ditekankan Raja Ali Haji sebagai identiti utama bagi individu. Ini kerana, agama memelihara manusia daripada tergelincir ke arah kesesatan, kesalahan serta mencegah mereka dari tingkah laku negatif (Nurmadiyah, 2019: 29). Mesej utama yang ingin disampaikan Raja Ali Haji adalah Islam sebagai agama kebenaran. Atas dasar inilah, aspek keagamaan merupakan usaha pembangunan identiti warganegara, dan penerusan agenda Islam adalah penting dalam mendepani perubahan zaman yang semakin kompleks.

Tidak boleh dinafikan agenda pendidikan mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa. Peradaban manusia bakal merosot dan mundur jika tidak ditekankan dengannya. Individu berilmu dan mengangkat ilmu sebagai kompas kehidupan akan memberikan kelebihan untuk membuat keputusan dengan tepat (Mohd Khalid Nordin & Wan Hassan, 2007; Roman Heil et al., 2022: 95). Jika dilihat fasal ketiga dan keempat, Raja Ali Haji menitikkan aspek penjagaan diri, iaitu dari segi fizikal (anggota badan) dan dalaman (hati). Setiap tingkah laku manusia adalah berdasarkan perbuatannya (anggota), dan setiap perbuatan itu bermula daripada hati. Seterusnya, fasal kelima hinggalah fasal kesepuluh merupakan bimbingan interaksi sosial bagi mereka yang ingin berjaya di dunia dan di akhirat, cara bergaul, mengenali teman-temannya, merancang kehidupan dengan baik serta pemerksaan adab (akhlak). Kesemua aspek penjagaan diri ini jika diambil ibrah dan perhatian sudah tentu ia akan memperbaiki dan menjamin kelestarian kehidupan manusia.

Tambahan pula, salah satu daripada aspek penting dalam pendidikan kewarganegaraan menurut Islam adalah memberi nasihat dan peringatan yang berhikmah. Hal ini bersandarkan firman-Nya:

﴿ اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ﴾

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik"

Lantaran itu, jika dilihat pada fasal kesembilan, Raja Ali Haji menasihati pembaca agar menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T, serta berusaha menghindarkan diri daripada godaan syaitan. Manakala pada fasal kesepuluh,

manusia diingatkan agar menjalankan tanggungjawab dengan baik sebagai seorang anak, ibu, bapa, isteri dan suami serta sentiasa bersikap adil.

Seterusnya, fasal kesebelas dan kedua belas memperkenalkan tema nasihat kepimpinan, di mana setiap manusia merupakan khalifah di muka bumi dan mereka ditakliffkan untuk memberi manfaat kepada yang lain. Raja Ali Haji turut menasihati Raja, Menteri dan rakyat untuk sentiasa menjaga hubungan baik serta saling bekerjasama antara satu sama lain. Seorang pemimpin perlulah adil, menghormati para ilmunan serta berusaha untuk menunaikan amanah dipikulnya. Pada akhirnya, kematian merupakan indikator utama bagi setiap umat manusia sebagai peringatan berterusan, lantas memperingati pembaktian di dunia hanyalah kerana-Nya.

Jika diperhatikan dengan teliti, empat fasal terakhir juga berkait dengan konsep keadilan, iaitu adil yang membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar (Wan Mohd. Nor, 2005: 45). Tuntasnya, setiap individu merupakan pemimpin; jika tidak pun pemimpin negara dan rakyat, ia tetap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan sekelilingnya. Segala amanah dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara adil dan sepuh hati selagimana tidak melanggar hukum syarak.

Justeru, elemen pendidikan kewarganegaraan yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas perlu diberi perhatian serta dijadikan pengajaran. Ini kerana, ia berpotensi membentuk jati diri manusia, seterusnya menjamin kesejahteraan kehidupan bersama.

Elemen Pendidikan Kewarganegaraan Dalam Gurindam Dua Belas Menurut Sorotan Maqasid Shariah

Pengkategorian elemen pendidikan kewarganegaraan dalam Gurindam Dua Belas akan disorot berdasarkan pemetaan maqasid *al-darūriyyāt al-khams* iaitu penjagaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), jiwa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-‘aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*) (al-Ghazālī, t.t: 251). Ia boleh difahami seperti berikut:

***Ḥifẓ al-Dīn* (Fasal 1 dan 2)**

Pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*) adalah salah satu daripada penjagaan lima perkara (*kulliyāt al-khams*) yang paling utama. Ia bertujuan memelihara kesucian agama Islam dengan menegakkan kerukunan dan hukum-hakamnya dalam kehidupan, berusaha mencegah manusia serta menentang perkara yang dilarang-Nya, seperti amalan bidaah, menyebarkan kekufuran, melakukan maksiat, kepercayaan ateisme serta kecuaiian dalam melaksanakan tugas sebagai seorang muslim (al-Khādīmī, 2001: 81). *Ḥifẓ al-dīn* terhasil dalam tiga pengertian utama iaitu Islam, iman dan ihsan. Ia disempurnakan melalui jalan berdakwah, berjihad terhadap penentang agama, menjauhi daripada perosaknya serta mengelak diri daripada perkara yang membahayakan agama (al-Raysūnī, 1995: 176).

Pada fasal pertama dan kedua, Raja Ali Haji menekankan tema keagamaan iaitu menerusi pegangan akidah dan kerukunan Islam. Manusia wajib mempercayai Islam sebagai agama benar dan teras kehidupan, serta menurut perintah Allah. Bagi mengenal Allah S.W.T, caranya adalah dengan mengenal diri. Fasal kedua khususnya mengingatkan manusia akan lima rukun Islam sebagaimana dinyatakan dalam hadis, iaitu mengimani Allah, menunaikan solat, zakat, puasa dan haji. Ia merupakan asas yang menjadi teras (*fardu ain*) kepada pembentukan jati diri seseorang muslim. Maqasid *ḥifẓ al-dīn* yang diterapkan dalam kedua-dua fasal ini adalah menegakkan pengamalan Islam dalam kehidupan manusia. Bagi mencapai tujuan ini, setiap manusia perlu mengambil perhatian terhadap akidah dan rukun Islam yang membentuk keperibadian muslim. Dengan ini, barulah mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim yang sejati.

***Ḥifẓ al-Nafs* (Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7)**

Pemeliharaan jiwa (*ḥifẓ al-nafs*) bermaksud penjagaan hak untuk hidup, keselamatan, maruah dan kehormatan individu (al-Khādīmī, 2001: 81). Hal ini berdasarkan status luhur manusia seperti dinyatakan dalam al-Quran: “*dan sesungguhnya kami telah memuliakan (status) anak-anak adam...*” (al-Isrā’: 70) dan “*sesungguhnya Kami telah menciptakan*

manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya) (al-Tīn: 4). Menurut al-Raysūnī (2015: 176), *ḥifẓ al-naḥs* boleh terhasil melalui tiga cara, iaitu manusia meneruskan keturunannya dengan perkahwinan, memelihara keperluan dalaman diri (seperti makan dan minum) serta keperluan luaran diri (seperti pakaian dan tempat tinggal. Bagi mencapai matlamat ini, seseorang itu perlu menjaga maruah diri daripada mendekati perkara yang haram seperti zina (dengan jalan pernikahan yang sah) serta menjaga segala perkara berkait pemakanan daripada kategori yang memberi mudarat, membunuh mahupun merosakkan.

Maqasid *ḥifẓ al-naḥs* diterapkan dalam fasal ketiga hingga ketujuh. Ini jelas melalui saranan penulis akan penjagaan anggota zahir mahupun dalaman diri. Pentingnya menggunakan anggota seperti mata, telinga, lidah, tangan, perut, kemaluan dan kaki pada jalan kebaikan supaya manusia tidak terjebak dengan perkara yang merosakkan hidup mahupun maruah diri mereka. Pada fasal ketujuh, Raja Ali Haji mengingatkan manusia agar tidak mudah tergelincir dalam membuat suatu keputusan hidup. Antara yang dimaksudkan beliau adalah tidak berlebih-lebihan dalam melakukan sesuatu perkara, mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu bapa, bermalas-malasan, tidak sabar, mudah terpengaruh dengan berita, buruk berkata-kata serta membuat fitnah. Kesemua sikap buruk ini jika diamalkan akan menjatuhkan status keluhuran manusia.

***Ḥifẓ al-'Aql* (Fasal 9, 10 dan 12)**

Pemeliharaan akal (*ḥifẓ al-aql*) merupakan maqasid *kullī* yang diperaku dan dibuktikan menurut Islam dalam banyak tempat. Kepentingannya terhadap akal dan menjadikannya syarat bagi memperoleh kefahaman dan wahyu, dan *manāṭ* (paksi) dalam menangani perihal kehidupan di dunia, menyingkap rahsia dan menyimpulkan hukum serta mengambil manfaat daripadanya. Allah S.W.T memerintahkan manusia agar berfikir, mengurus tadbir, merenung, dan ia membezakan antara dia dengan makhluk yang lain. Atas dasar inilah Allah S.W.T memuji mereka yang tergolong daripada manusia yang mempunyai akal yang sejahtera, iaitu para mujtahid, pemikir dan pentadbir. *Ḥifẓ al-'aql* merupakan pemeliharaan akal daripada sebarang perkara yang merosakkan atau melumpuhkannya. Sebagai contoh, pencegahan dari meminum arak, dadah, membuat fitnah dan segala perkara yang menyebabkan seseorang hilang pertimbangannya (akal) dalam berfikir dan mengurus tadbir (dirinya) (al-Khādīmī, 2001: 82-83). Maka, bagi mencapai maqasid ini, perlu dilaksanakan hukuman, atau pensyariatan hudud ataupun *al-zajr* (larangan kejahatan), di mana ia tidak disebutkan secara khusus dalam al-Quran dan al-Sunnah, maka ia akan dikembalikan kepada ijtihad (keputusan) ummah bagi menyelesaikannya (al-Raysūnī, 2015: 177).

Amnya, Gurindam Dua Belas merupakan tulisan yang sarat dengan nasihat dan elemen pendidikan kewarganegaraan. Ilmu yang disampaikan beliau dalam gurindam ini merupakan jalan (*wasā'il*) bagi mencapai maqasid *ḥifẓ al-'aql*. Atas dasar ini, jika dilihat pada fasal kelima, keenam dan kesembilan, individu disarankan agar mencari peneman yang baik (guru, isteri, rakan), menuntut dan mendampingi dengan orang berilmu mahupun berpengalaman agar tidak tergelincir ke lembah kerosakan dan kejahilan. Ilmu membekalkan manusia akal sejahtera bagi membezakan baik dan buruk sesuatu perkara. Sesuai dengan pepatah masyhur arab "*al-'aql al-salīm fī al-jism as-salīm*" (akal yang sihat terdapat pada tubuh yang sihat), di mana akal yang sejahtera akan mengelakkan manusia daripada melakukan perbuatan dilarang oleh Allah S.W.T.

Aspek pendidikan kekeluargaan dalam fasal kesepuluh merupakan agenda pembentukan komuniti yang bertanggungjawab, di mana setiap daripada mereka (anak, ibu bapa, isteri dan suami) saling memerlukan sokongan antara satu sama lain. Jika peranan ini tidak diberikan perhatian, menunjukkan rosaknya pemikiran manusia, lantas menghancurkan institusi kekeluargaan itu sendiri. Sementara itu, fasal kedua belas mengingatkan aspek kepimpinan perlu berlandaskan ilmu dan persetujuan pelbagai pihak. Permuafakatan antara raja, menteri dan rakyat menunjukkan keperluan akal dalam menangani suatu masalah secara bijaksana. Oleh hal yang demikian, sebarang konflik

perlu diselesaikan secara musyawarah, dan seorang pemimpin perlu memperakui kebijaksanaan orang yang berilmu dalam membuat suatu keputusan. Dengan ini, segala keputusan yang dilaksanakan akan menjaga kepentingan pelbagai sudut kehidupan manusia.

Ḥifẓ al-Nasl (Fasal 6, 7 dan 10)

Ḥifẓ al-nasl merupakan pemeliharaan keturunan, membawa maksud perkembangan baik manusia (*al-tanāsul wa al-tawālid*). Lazimnya ia disamakan dengan *ḥifẓ al-nasb*, iaitu penambahan manusia (pemiakan) yang sah melalui hubungan perkahwinan yang sah. Begitupun *ḥifẓ al-'araḍ* merupakan penjagaan kehormatan diri seperti memelihara maruah, kesucian dan kehormatan diri. Ketiga-tiga istilah (*nasl/nasb/'araḍ*) merupakan matlamat syarak yang keempat dari *kulliyah al-khams* (al-Khādīmī, 2001: 83). Keinginan untuk mempunyai keturunan (anak) merupakan naluri manusia yang kuat. Perkara ini diceritakan di dalam surah al-Qaṣaṣ ayat 60, di mana Allah S.W.T menyatakan bahawa kekayaan, keturunan dan kesenangan adalah perhiasan di dunia (Fadel, 2002).

Ḥifẓ an-nasl mengandungi dimensi yang pelbagai bergantung pada aspek tertentu kehidupan manusia. Sebagai contoh, undang-undang moral yang ketat seperti larangan berzina, liwat, sumbang mahram dan sebagainya adalah salah satu daripada aspek kepada pemeliharaan keturunan. Perkahwinan merupakan jalan bagi berpasangan (antara lelaki dan perempuan) dalam kehidupan. Ia bertujuan mencapai kedamaian dan ketenangan, memenuhi keperluan seksual serta menikmati kehidupan berkeluarga secara sah. Pembentukan keluarga yang sejahtera juga boleh dilihat dari sudut didikan secukupnya kepada anak-anak. Hal ini penting bagi membentuk generasi umat Islam yang sihat, produktif dan berkualiti (Chapra, 2008: 31). Antara lainnya, bagi mencapai maqasid *ḥifẓ al-nasl*, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Pertama, melibatkan segala keperluan termasuklah penjagaan kesihatan supaya sihat dari sudut fizikal dan mental. Kedua, kebebasan daripada unsur ketakutan, konflik dan ketidaksejahteraan seperti beban hutang melampau bagi tujuan penggunaan harian (Chapra, 2008: 34)

Aspek *ḥifẓ an-nasl* yang ditekankan dalam Gurindam Dua Belas boleh dikenalpasti dalam fasal keenam, ketujuh dan kesepuluh. Raja Ali Haji menyarankan individu untuk mencari isteri yang baik untuk dirinya. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan isteri adalah agama, akhlak, keturunan dan sebagainya. Pencarian teman hidup baik penting dalam membangunkan institusi kekeluargaan. Dari sini juga, dapat dilihat betapa pentingnya aspek pendidikan kekeluargaan. Pada fasal ketujuh, ibu bapa diingatkan agar tidak mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak. Anak merupakan cerminan ibu bapa. Maka, sewajibnya mereka membentuk anak-anak dengan ilmu yang benar dan akhlak yang mulia. Jika sebaliknya, kebarangkalian untuk generasi muda dipengaruhi dengan unsur hedonisme (keseronokan dan hiburan tanpa batasan) adalah tinggi. Ini akan menyebabkan mereka terjebak dengan masalah sosial, seterusnya merosakkan maruah dan kehormatan diri mereka. Tambahan pula, fasal kesepuluh menjelaskan pentingnya memahami tanggungjawab sebagai seorang anak, ibu bapa, isteri dan suami kerana hubungan kekeluargaan yang makmur akan menjamin kehidupan berkeluarga yang bahagia. Begitupun keperihatinan terhadap penjagaan keturunan perlu diambil iktibar sebagaimana doa Nabi Zakaria a.s di dalam surah āli-'Imrān ayat 38.

Ḥifẓ al-Māl (Fasal 2)


Pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*) bermaksud mengembangkan, memperkayakan serta melindunginya daripada kerosakan, kerugian dan pengurangan. Islam menganjurkan umatnya agar bekerja keras mencari rezeki, tidak boros dalam membelanjakan wang atau pembaziran serta mengharamkan perbuatan mencuri, menggunakan harta orang tanpa izin (*ghaṣb*), menipu, merasuah, jual beli secara riba, dan segala keadaan pemilikan harta secara zalim (al-Khādīmī, 2001: 84-85). Tambahan menurut al-Raysūnī (2015: 177), *ḥifẓ al-māl* merupakan sifat berjaga-jaga dalam pemilikan harta serta mengembangkannya sesuai mengikut tuntutan syarak. Bagi mencapai maqasid ini, sebarang penipuan perlu

ditolak, serta berwaspada dengan apa yang dinyatakan dalam al-Quran seperti *al-zajr*, *al-hadd* dan *takaful*. Chapra (2008: 36-37) menekankan pentingnya pengurusan kekayaan negara secara adil kerana ia berperanan merapatkan jurang pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat. Ia tidak semestinya bergantung kepada institusi pengagihan zakat, sedekah dan wakaf. Malah kerajaan berperanan besar dalam membangunkan ekonomi negara dengan memperkukuhkan sumber manusia, mengorientasikan dasar monetari, fiskal dan polisi komersial berdasarkan tuntutan syarak bagi mempercepatkan pembangunan negara.

Elemen maqasid *hifz al-māl* dalam Gurindam Dua Belas dinyatakan dalam fasal kedua, iaitu saranan menunaikan zakat. Sebagai rukun Islam yang keempat, zakat berperanan membersihkan harta individu. Dari sudut bahasa, zakat bermaksud suci, bersih dan berkat. Pemberian zakat menyucikan jiwa manusia daripada sifat kedekut dan bakhil. Ia juga menzahirkan kesyukuran terhadap segala nikmat yang dikurniakan oleh-Nya, sekaligus menambah keberkatan rezeki dengan menyerahkan sedikit daripada keperluan hidupnya hanya kerana Allah S.W.T. Tujuan utama zakat disyariatkan adalah bagi membantu golongan fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Dari sudut pandang yang lain, pengurusan zakat dilihat penting bagi mengurangkan jurang kemiskinan rakyat. Tuntasnya, zakat merupakan suatu tanggungjawab yang dipikul oleh umat Islam yang berkemampuan, disamping memenuhi tanggungjawab sebagai warganegara yang mengambil berat akan saudaranya yang lain.

Natijahnya, setiap maqasid *darūriyyāt* yang dibincangkan di atas perlu dijaga demi mencapai kesejahteraan dan kemaslahatan hidup manusia, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Sekiranya tidak dijaga dengan baik, kehidupan manusia akan menyalahi tujuan syarak bahkan mengalami kesulitan, kerosakan dan kekacauan (al-Ghazālī, 2016: 328; Khairil Anwar, 2021: 79). Justeru, elemen pendidikan kewarganegaraan dalam Gurindam Dua boleh dipetakan semula sejajar dengan kehendak maqasid *darūriyyāt al-khams* seperti berikut:

Rajah 1: Pemetaan maqasid *al-darūriyyat al-khams*



KESIMPULAN

Gurindam Dua Belas karya Raja Ali Haji merupakan salah satu warisan kesusasteraan Alam Melayu Islam Nusantara yang sarat dengan elemen kearifan tempatan. Mesej yang terkandung di dalamnya mempunyai pedoman dan nilai keperibadian, kemasyarakatan dan kenegaraan yang penting untuk dihayati oleh masyarakat setempat mahupun sejagat. Begitupun jika ia diteliti secara mendalam akan terserlah aspek patriotisme yang hakikatnya menjadi darah daging kehidupan beliau. Ini boleh diolah kembali secara lebih berkesan jika dilihat dari aspek pembentukan jati diri yang perlu menjadi teras dalam pendidikan kewarganegaraan di negara ini. Antara intipati utama yang ditekankan adalah elemen agama, penjagaan diri, interaksi sosial dan kepimpinan. Dari sudut sorotan maqasid syariah, cakupan tema Gurindam Dua Belas merangkumi penjagaan *kulliyāt al-khams* sama ada dari sudut meraih kemaslahatan, mahupun mencegah kerosakan. Justeru,

adalah amat wajar gurindam ini dipelajari dengan cara memasukkannya dalam kurikulum persekolahan, dibahaskan dalam peringkat pengajian tinggi, serta diperkenalkan kepada masyarakat melalui pelbagai medium perkongsian. Gurindam Dua Belas seharusnya dilihat sebagai karya ilmiah didaktik yang memupuk semangat patriotisme dalam acuan hidup beragama dan bernegara.

RUJUKAN

Buku

- Abu Hassan Sham. 1993. *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Fāsī, 'Allāl. 1993. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Ghazālī, 'Abd al-Ḥamīd. 2016. *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. Dār al-Mīmān.
- al-Ghazālī, Abī Ḥamid Muhammad bin Muhammad. t.t. *al-Mustasfā*. Shirkah al-Ṭibā'ah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah bi Miṣr: Maktabah al-Jundī bi Miṣr.
- al-Khādīmī, Nūr al-Dīn Mukhtār. 2001. *'Ilm al-Maqāṣid al-Shar'īyyah*. Riyāḍ: Maktabah al-'Abīkān.
- al-Nawāwī, Yaḥyā bin Sharf. 2009. *Riyād al-ṣāliḥīn min hadīth sayyid al-Mursalīn*. Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Raysūnī, Aḥmad. 1995. *Naẓariyyāh al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Shāṭibī*. al-Ma'ahad al-Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, al-Ṭaba'ah al-Rābi'ah.
- al-Raysūnī, Aḥmad. 2006. *Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- al-Tibrizī, al-Khatīb. 1987. *Mishkāt al-Maṣābiḥ (Kitāb al-Nikāḥ)*. al-Maktab al-Islāmī.
- al-Yūbī, Muḥammad Sa'd bin Aḥmad bin Mas'ūd. 1998. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alāqatihā bi al-Adillah al-Shar'īyyah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Chapra, Umer. 2008. *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Syari'ah*. Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute.
- Fadel, M. 2002. *Istihsan Is Nine-Tenths of The Law. The Puzzling Relationship of Usul to Furu in the Maliki Madhhab*. Berned Weiss (Ed). Studies in Islamic Law & Society.
- Farmahini, F. 1389H. *Citizenship Education*. Tehran: Ayisu publication.
- Ibn Āshūr, Muhammad Ṭāhir. 1978. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. al-Shirkah al-Tūnisiyyah.
- John J Cogan. 1998. *Citizenship Education For the 21st Century: Setting the Context*. Dlm: John J Cogan & Ray Derricot. *Citizenship For the 21st Century: An International Perspective on Education*. London: Kogan Page Ltd.
- Khalif Muammar A. Harris. 2016. *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- M. Bibit Suprpto. 2010. *Ensiklopedi Ulama Nusantara: Riwayat Hidup, Karya dan Sejarah Perjuangan 157 Ulama Nusantara*. Jakarta: Gelegar Media Indonesia.
- Mana Sikana. 1998. *Teori Dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd Khalid Hj Nordin, Wan Hassan Wan Ahmad. 2007. *Mendidik anak Dari Jiwa Yang Tenang*. Seremban: Tripple Power Consultant.
- Muhammad Saad bin Ahmad bin Suud al-Yubi. 1998. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah dan Hubungannya Dengan Dalil-dalil Syarak*. Virginia: Dar al-Hijrah.
- Mustafā Dīb al-Bughā, Muḥy al-Dīn. 2006. *al-Wāfi Fi Sharḥ al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Kitāb al-Īmān. Dar Al-Mustafa.
- Nasdian, Fredian Tonny. 2015. *Sosiologi Umum*. Jakarta: Buku obor.
- Nor Raudah Siren. 2006. *Dakwah Islam Semasa*. Yusmini Mohd Yusoff (Ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sahid M. M., Mamat Z., Mokhtar A. W., Nagashi M. I. 2018. *Mudhakkirah Fi Maqāṣid Sharī'ah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Vajargah. F & Vahedchokadeh. 1388H. *Citizenship education in schools*. Tehran: Ayahs Publication.
- Virginia Matheson. 1998. *Tuhfat al-Nafis, Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-*

Attas: *Suatu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
Zekirija Sejdini. 2015. *The Contribution of Islamic Religious Education to Citizenship Education in Austria*. Ednan Aslan & Marcia Hermansen (Eds). Dlm: *Islam and Citizenship Education*. Springer VS.

Jurnal

- Al Jufri, K. A., Awang, M. S., & Mochammad Sahid, M. 2021. *Maqasid Syariah Menurut Imam Al-Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Penyusunan Undang-Undang Islam Di Indonesia: Maqasid Syariah According To Imam Al-Ghazali And Its Application In The Compilation Of Islamic Law In Indonesia*. Malaysian Journal of Syariah and Law, 9(2), 75 - 87. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol9no2.315>
- Azmi, S. 2016. *Pendidikan Kewarganegaraan Merupakan Salah Satu Pengejawantahan Dimensi Manusia Sebagai Makhluk Individu, Sosial, Susila, Dan Makhluk Religi*. Jurnal Likhitaprajna, 18(1), 77-86. <https://doi.org/10.37303/likhitaprajna.v18i1.30>
- Che Zarrina & Nor Azlinah. 2016. *Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah alNafs*. Afkar Vol. 18 Special Issue: 35-72
- Ezzat Allah Kishani Farahania & Akbar salehi. 2013. *Development model of Islamic citizenship Education*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 89: 64 – 68
- Fauziddin, M., Lestari, G. D., Mariana, N., H., & Sukartiningsih, W. 2023. *Analysis on Value of 12 Verses Gurindam by Raja Ali Haji in the Context of Learning Islam in Early Childhood (PAUD)*. International Journal of Membrane Science and Technology, 10(2), 600-607. <https://doi.org/10.15379/ijmst.v10i2.1268>
- Halipah Hamzah & Hanani Ahmad Zubir. 2020. *Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Insan: Satu analisis Berdasarkan Kitab Fi Zilal Al-Quran*. Vol. 3 (2), 1-11.
- Heil, R., Koscholke, J., Rich, P. 2022. *Knowledge and decision*. Synthese 200, 96. <https://doi.org/10.1007/s11229-022-03668-0>
- Helmi Akhtar, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. 2017. *Komunikasi Pemimpin Berkesan*. Jurnal Syariah Universiti Malaya, Jil. 25, Bil. 3, 544.
- Ibnu. 2018. *Kepemimpinan Individu Dan Sosial Dalam Perspektif Hadis*. Analisis - Jurnal Studi Keislaman, Vol. 17, No. 1, 167-190. <https://doi.org/10.24042/ajsk.v17i1.1793>
- Lalu Moh. Fahri & Lalu A. Hery Qusyairi. 2019. *Interaksi Sosial Dalam Proses Pembelajaran*. PALAPA: Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan, Vol. 7, No. 1; p-ISSN 2338-2325; e-ISSN 2540-9697; 149-166.
- Lutfi Zahid. 2018. *Hayati Prinsip Kesopanan Dan Kesusilaan*. Majalah Dewan Siswa, Bil. 8. <http://dwnsiswa.dbp.my/wordpress/?p=3544>
- Mohd. Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor. 2013. *Manifestasi Pendidikan Sivik Dalam Kalangan Alumni Program Latihan Khidmat Negara*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Malaysian Journal of Youth Studies, Vol. 8, 73-106.
- Mutiara, D. 2021. *Nilai-Nilai Komunikasi Profetik dalam Syair Gurindam Dua Belas (Analisis Semiotik Ferdinand De Saussure)*. Jurnal Studi Islam Dan Kemuhammadiyah (JASIKA), 1(2), 173-197. <https://doi.org/10.18196/jasika.v1i2.12>
- Nurmadiyah. 2019. *Manusia Dan Agama (Konsep Manusia Dan Agama Dalam Al-Quran)*. PENDAIS, Vol. 1, No. 1, 29-43.
- Raja Roslan Raja Abd. Rahman, Azizi Yahaya, Mohd Salleh Haji Hassan. 2010. *Peranan Komunikasi Kepimpinan Diri dan Organisasi dalam Perspektif Islam*. Unpublished Article. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10611/>
- Sirait, L. 2018. *Revitalisasi Gurindam Dua Belas Karya Raja Ali Haji Sebagai Pendidikan Berbasis Kearifan Lokal Etnis Melayu*. SOSIETAS, 8(1), 446-451. <https://doi.org/10.17509/sosietas.v8i1.12497>
- Zohra Yasin, Rahmin Husain, Tita Rostitawati & Muhammad Obie. 2023. *The Importance of Seeking Knowledge in Islam: A Literature Review*. International Journal of Social Science and Human Research, Vol. 6 (5): 3061-3066. DOI:10.47191/ijsshr/v6-i5-71
- Zubir Idris. 2015. *Komunikasi Moral Lewat Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji*. Jurnal Komunikasi Malaysia. Jld. 31 (2), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Mohamed, Shafiza Safie & Muhammad Syafiq Hassan. 2020. *Pembentukan Sikap Individu Dan Kesannya Menurut Islam*. Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari

(JOIRC), Vo. 3 (8): 7 – 22.

Seminar & Prosiding

- Ishak Sin. 2002. *Gaya Kepimpinan Yang Digemari: Satu Kajian Kes-Kes Hipotetikal*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan kali ke-XI, 17-19 Disember 2002, di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur International Airport, Sepang.
- Syafrial, Hadi Rumadi, & Adib Alfalah. 2021. *Pola Larik Pada Gurindam Dua Belas Karya Raja Ali Haji*. Seminar Internasional Riksa Bahasa. <http://proceedings.upi.edu/index.php/riksabahasa/article/view/1108>

Tesis & Disertasi

- Laila Nurul Hidayah. 2015. *Gurindam 12 Karya Raja Ali Haji (Studi Analisis Pasal 1-12 Gurindam 12 dengan Paradigma Pendidikan Islam*. Skripsi, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.

Dokumen

- ANFA - The Australian National Flag Association (NSW) Inc. <https://www.anfa-national.org.au/education/paint-a-flag/discovering-democracy/> (diakses pada 10 Julai 2023)
- Australian Parliament House. 1999. *Appendix F – National Goals for Schooling. The Adelaide Declaration on National Goals for Schooling in the Twenty-first Century*. https://www.aph.gov.au/parliamentary_business/committees/house_of_representatives_committees?url=edt/eofb/report/appendf.pdf
- Indeks Syariah Malaysia. Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah. Jabatan Kemajuan Malaysia. Hak Cipta Terpelihara 2015. http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/pengenalan_ism.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan). 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Firdaus Press Sdn. Bhd. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/Polisi/Dasar-Pendidikan-Kebangsaan.pdf>

Laman Sesawang

- al-Mawsū'ah al-'Aqdiyyah. Bab 3: al-Qiyāmah al-Kubrā, al-Faṣl al-Sādis: Ahwāl Yawm al-Qiyāmah. Maktabah Shamela. <https://shamela.ws/book/38058/1872> (diakses pada 15 Julai 2023)
- al-Mawsū'ah al-Hadīthiyyah. al-Durar al-Sanniyyah. <https://shorturl.at/nxNV9> / <https://shorturl.at/emrU7> (diakses pada 14 Julai 2023)
- al-Zabīdī, Murtaḍā. t.t. *Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qāmus*. <https://shorturl.at/inpS8> (diakses pada 14 Julai 2023)
- Habib Anthony Salmone. 1889. *An Advanced Learner's Arabic-English Dictionary*. <https://rb.gy/p42fi> (diakses pada 14 Julai 2023)
- Ibn Fāris. t.t. *Maqāyis al-Lughah*. <https://rb.gy/rzk63> / <https://rb.gy/1jj84> (diakses pada 14 Julai 2023)
- Ibn Manẓūr. t.t. *Lisān al-'Arab*. <https://rb.gy/seyz2z> / <https://rb.gy/26yte> (diakses pada 14 Julai 2023)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Pelaksanaan Pendidikan Sivik Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia*. <https://shorturl.at/bdkuX> (diakses pada 10 Julai 2023)
- Mu'jam al-Wasīf. <https://shorturl.at/aeORU> (diakses pada 14 Julai 2023).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.